


# SAKINAH AHLAMI HARUN

» MEMBURU ILMU, PENGALAMAN DUNIA FESYEN ◦ V5

**BH**  
Berita Harian

# WARSITI



**PNGK 3.50**  
ke universiti penyelidikan

» Hanya penuntut cemerlang layak mengikuti program sarjana muda

Oleh Basir Zahrom  
basir\_zahrom@bh.com.my  
Kuala Lumpur

**R**ata-rata hanya pelajar yang mencatat Purata Nilai Gred Keseluruhan (PNGK) 3.50 ke atas yang diterima masuk ke program sarjana muda di universiti penyelidikan. Kebanyakan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dan Matrikulasi yang terbaik itu mengikuti program sains dan teknologi manakala sebahagian lagi dalam aliran sastera dan sains sosial bagi Sesi Akademik 2013/2014.

◦ Varsiti 2

## BERITA

» Karya fotografi memikat mata ◦ V5



## KEMBARA

» Debaran jelajah Gua Tempurung ◦ V8

## USAHAWAN

» Ecah mahir buat tart keju ◦ V10



**VARSAITI**

**REDAKSI**

PENGARANG URUSAN KUMPULAN NSTP:  
**Datuk Abdul Jalil Hamid**

PENGARANG KUMPULAN BH  
**Datuk Mior Kamarul Shahid**

TIMBALAN PENGARANG KUMPULAN BH  
**Mahfar Ali**

PENGARANG EKSEKUTIF RENCANA  
**Zainor Said**

PENGARANG PENDIDIKAN  
**Fadziena Jafar**

PENGARANG BERITA PENDIDIKAN  
**Ridzuan Yop**

PENOLONG PENGARANG BERITA  
PENDIDIKAN  
**Mohd Feroz Abu Bakar**  
**Syuhada Choo Abdullah**

PENOLONG KETUA PENYUNTING  
**Nuraini Ibrahim**

PENYUNTING EKSEKUTIF  
**Rosdi Ismail**

WARTAWAN  
**Khairina Yasin, Rosniza Md Taha,**  
**Basir Zahrom**

PENOLONG EDITOR GRAFIK & REKA LETAK  
**Ahmad Radi Harun**

EKSEKUTIF ARTIS  
**Zuraizee Zulkiffi,**  
**Mohd AlHakim Ismail**

PENGEDARAN: Balai Berita, Kuala Lumpur  
Nadza Affendi / Farza Yaacob  
Unit Pendidikan,  
Jabatan Pengedaran NSTP 31,  
Jalan Riong, 59100  
Kuala Lumpur

PENGEDARAN: Balai Berita, Kuala Lumpur  
Nadza Affendi / Farza Yaacob  
Unit Perkhidmatan Pendidikan,  
Jabatan Pengedaran NSTP 31,  
Jalan Riong, 59100 Kuala Lumpur  
Tel: 03-2056 9547/236 /1564  
Faks: 03-22826216/5502  
Talian Bebas Tol: 1 800 880 239

PENGKLANAN: Tel: 1 300 22 6787  
samb 5842/5652

E-mel atau surat ke alamat:  
bhvarsiti@bh.com.my

Unit Pendidikan BH  
Balai Berita, 31 Jalan Riong, 59100  
Kuala Lumpur.

Tel: 1 300 22 6787  
samb 4771/4772/4780

Oleh **Basir Zahrom**  
basir\_zahrom@  
bh.com.my

↳ Kuala Lumpur

**P**elajar wanita yang mencatat keputusan cemerlang dalam Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dan Matrikulasi terus muncul sebagai majoriti yang terpilih ke universiti awam.

Bagi Sesi Akademik 2013/2014, tiga universiti penyelidikan, iaitu Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) serta Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dan Universiti Malaysia Sabah (UMS) menerima kemasukan lebih ramai pelajar wanita.

USM menyatakan kira-kira 68 peratus daripada

## Perbezaan jantina masih ketara

keseluruhan pelajar-jarinya adalah perempuan.

Daripada 4,105 pelajar baharu program sarjana muda UPM, 2,874 ialah pelajar perempuan dan 1,231 lelaki.

Seramai 3,325 layak mengikuti pengajian di UKM bagi sesi kali ini dengan 2,447 pelajar perempuan berbanding 878 lelaki.

Di UniMAP, seramai 1,454 siswi mendaftarkan berbanding 1,122 siswa manakala UNIMAS menyaksikan seramai 3,969 pelajar baharu mendaftar,

iaitu 1,244 pelajar lelaki dan 2,725 pelajar wanita.

Seramai 3,367 pelajar perempuan mengisi tempat di UMS berbanding 1,705 lelaki.

### Ganti sistem kuota

Jurang antara pelajar lelaki dan wanita ketara selepas meritokrasi diperkenalkan kerana sistem itu mengambil kira 90 peratus prestasi akademik dan 10 peratus kegiatan kokurikulum tanpa mengenal jantina.

Pengenalan meritokrasi

## UTM catat peningkatan kemasukan

↳ Dari muka 1

Universiti APEX, Universiti Sains Malaysia (USM) yang mengambil 4,684 pelajar menerima seramai 558 calon mendapat PNGK 4.00 mengikuti program perubatan dan pergajian.

Bagaimanapun, Naib Canselor USM, Prof Datuk Dr Omar Osman, berkata ada juga dalam kalangan mereka mengikuti pengajian seperti sains tulen dan pendidikan.

Katanya, daripada jumlah keseluruhan itu, 3,272 pelajar

### FAKTA NOMBOR

**2,553** pelajar peroleh PNGK 3.80 ke atas

mengikuti pengajian di kampus induk Pulau Pinang, 678 orang mengikuti pengajian di Kampus Kejuruteraan Nibong Tebal dan 734 orang mengikuti pengajian di Kampus Kesihatan Kelantan.

Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Skudai mencatatkan peningkatan pencapaian kemasukan apabila menerima pendaftaran 2,553 pelajar yang memperoleh PNGK 3.80 ke atas.

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang menawarkan sejumlah 3,325 tempat menerima 861 calon dengan PNGK 4.00 dan 1,661 calon memperoleh PNGK 3.50 ke atas.

yang menggantikan sistem kuota membolehkan hanya pelajar terbaik diterima masuk ke program sarjana muda.

Sekadar contoh, Universiti Utara Malaysia (UUM) menerima 90 peratus daripada 4,000 calon yang mendapat keputusan Purata Nilai Gred Keseluruhan (PNGK) sekurang-kurangnya 3.00.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof Madya Dr Abdul Malek Abdul Karim, berkata UUM menunjukkan peningkatan daripada pemohon berkualiti pada sesi tahun ini.

"Permohonan berkualiti yang diterima daripada calon mahasiswa dengan PNGK 3.00 menunjukkan peningkatan daripada 78 peratus kepada 90 peratus berbanding kemasukan sebelumnya," katanya.

### PNGK 3.0 ke atas

Universiti Malaysia Pahang (UMP) menerima 69 peratus pelajar yang

berdaftar dengan kelayakan PNGK 3.0 ke atas daripada 1,656 pelajar baharu mengikuti pengajian di universiti itu.

Sementara itu, di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menerima 23,483 permohonan tahun ini mengatasi unjuran pelajar iaitu 2,553 tempat saja.

Universiti itu sudah menerima kemasukan pelajar tertinggi sejak ditubuhkan iaitu seramai 2,444 pelajar bagi mengikuti 26 program pengajian pada peringkat sarjana muda di lapan fakulti.

Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Asma Ismail, berkata situasi itu memberi petunjuk jelas bahawa USIM semakin dikenali.

"Promosi dan penjenamaan USIM yang menawarkan sistem pengajian yang mengintegrasikan ilmu naqli dan aqli dalam silibus akademik kepada masyarakat berjaya memberi impak yang besar," katanya.



Sebahagian daripada pelajar membaca ikrar bersempena dengan majlis siswa dan ikrar pelajar baru Program Jarak Jauh, di Dewan Tuanku Syed Putra, Universiti Sains Malaysia.

[ FOTO ASMAN IBRAHIM / BH ]

### PROFIL

#### Pengambilan pelajar Sesi Akademik 2013/2014

Universiti	Jumlah pelajar baru (sehingga 3 September 2013)
Universiti Teknologi MARA	18,000
Universiti Malaysia Sabah	4,954
Universiti Sains Malaysia	4,684
Universiti Putra Malaysia	4,105
Universiti Utara Malaysia	4,000
Universiti Malaysia Sarawak	3,969
Universiti Kebangsaan Malaysia	3,325
Universiti Malaya	2,672
Universiti Malaysia Perlis	2,576
Universiti Malaysia Kelantan	2,500
Universiti Teknikal Malaysia Melaka	2,429
Universiti Sains Islam Malaysia	2,444
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia	2,400
Universiti Teknologi Malaysia	2,225
Universiti Malaysia Pahang	1,672